

# Bahasa Inggeris untuk sains — PM

Oleh  
ZULKIFLEE BAKAR  
28 DEC 1993

**K**UALA LUMPUR 27 Dis. — Semua universiti dan institusi pengajian tinggi di negara ini akan dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran sains dan teknologi secepat mungkin, kata Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan untuk menggunakan pendekatan itu telah dibincangkan oleh Kabinet baru-baru ini.

Katanya, pendekatan itu diambil kerana kerajaan memutuskan bahawa langkah itu perlu diambil sekiranya Malaysia mahu terus berdaya saing di peringkat antarabangsa.

“Kita tidak boleh membenarkan kecekapan dan kebolehan rakyat negara ini kurang daripada kecekapan rakyat asing. Kalau tidak kita tidak kompetitif (tidak berdayasaing).”

“Oleh itu kita akan menggunakan bahasa Inggeris di mana perlu bagi mengajar mata pelajaran yang melibatkan soal-soal

teknikal, teknologi dan perubahan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pengisytiharan identiti syarikat untuk kereta nasional Malaysia ke-2, di sini hari ini.

Selain itu tegasnya, langkah tersebut juga perlu memandangkan Malaysia menghadapi masalah dalam menterjemahkan buku-buku berunsur teknikal ke bahasa Melayu.

“Oleh itu dari segi pragmatiknya adalah lebih mudah jika kita menguasai bahasa Inggeris,” katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan berpendapat jika rakyat negara ini sudah menjadi bangsa yang berjaya, ia dengan sendiri akan meletakkan bahasa Malaysia sebagai bahasa dihormati dan berjaya.

“Tetapi bangsa yang tidak berjaya walaupun berpegang kuat pada bahasanya, ia tidak akan dihormati oleh sesiapa,” katanya.

Ditanya sama ada pihak universiti boleh mem-

■ Lihat muka 2

## Bahasa Inggeris untuk sains — PM

110 27050-995  
buat keputusan sendiri berhubung penggunaan bahasa pengantar itu, beliau berkata: “Kita belum tentukan lagi tapi inilah pendekatan yang kita akan pilih.”

Mengenai cadangan

University of London menubuhkan kampus cawangannya di ibu negara, Dr. Mahathir berkata, universiti tersebut boleh berbuat demikian asal-kan ia mematuhi undang-undang yang ada.

“Tetapi kalau undang-undang kita masih ada (Akta Universiti dan Kolej 1971), mereka harus mematuhiya...,” katanya.

Ditanya adakah ini bermaksud akta tersebut

akan dipinda, Dr. Mahathir berkata: “Kita belum ada rancangan untuk pinda... kita akan kaji perkara itu, kalau perlu.”

Pembukaan kampus itu mungkin boleh dilakukan tanpa perlu meminda akta tersebut, jelas beliau.